

12 AUG 2003

Mahathir-Iraq/I

DR MAHATHIR SERU PBB AMBIL ALIH SEPENUHNYA IRAQ

Oleh: Mokhtar Hussein

ALGIERS, 12 Ogos (Bernama) -- Malaysia menyeru Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) supaya mengambil alih dengan segera kawalan di Iraq kerana dikhuatiri negara itu akan dilanda huru-hara.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kini berada dalam rangka lawatan tiga hari ke Algeria berkata: "Rakyat Iraq mesti mendapatkan semula kebebasan mereka secepat mungkin".

Beliau juga menegaskan Malaysia mahu melihat sistem multilateral kembali semula dalam mencapai keamanan dunia menerusi PBB dan khasnya dalam menyelesaikan kemelut di Iraq.

Dr Mahathir berkata demikian di majlis jamuan negara yang diadakan oleh Presiden Algeria Abdelaziz Bouteflika di Palais Du Peuple (Istana Rakyat).

Perdana Menteri yang tiba pada petang Ahad mengetuai delegasi 127-orang yang terdiri daripada Menteri-menteri Kanan dan ahli perniagaan dalam usaha menjalin satu perkongsian yang utuh bersama negara-negara di utara benua Afrika.

Dr Mahathir, yang lantang dalam kritiknya menentang pencerobohan di Iraq, membuat kenyataan itu semasa kebimbangan dunia mengenai situasi di Iraq sekarang ini, khasnya dengan ketidakupayaan tentera bersekutu yang diketuai Amerika Syarikat untuk mentadbir negara berkenaan.

Kata-kata itu datang beberapa hari sebelum lawatan rasminya ke Syria pada 16 Ogos untuk mengadakan perbincangan bersama Presiden Dr Bashar Al-Assad di Damascus yang pasti menyentuh mengenai situasi di Iraq yang berjiran dengan Syria.

Sebelum memulakan perjalanan ke Algiers, Dr Mahathir semasa Persidangan Keamanan Dunia di Kuala Lumpur pada Sabtu lepas telah menyeru masyarakat antarabangsa supaya menolak peperangan dan kembalikan kewarasan.

Mengenai keganasan, Dr Mahathir berkata negara-negara Islam mesti bersatu dalam mempertahankan imej Islam yang kini digambarkan sebagai agama yang menggalakkan keganasan.

"Malaysia terus percaya bahawa satu definisi terorisme yang diterima secara universal adalah penting untuk membolehkan masyarakat antarabangsa mengambil usaha bersepadu dan tindakan berkesan menentang keganasan. Punca keganasan juga mesti ditangani," katanya lagi.

Terorisme juga menjadi kebimbangan besar sekarang ini di Asia Tenggara ekoran beberapa serangan dengan paling terbaru letupan bom di Hotel J.W. Marriot di Jakarta yang menyebabkan 14 orang terbunuh.

Mengenai hubungan dua hala, Dr Mahathir berkata Malaysia dan Algeria mempunyai matlamat yang sama dan mahu menjadi negara maju dan rakyatnya makmur.

Bagaimanapun, untuk mencapai pembangunan ekonomi bukan mudah dan memerlukan usaha gigih, keazaman dan perancangan yang betul.

"Malaysia bersedia berkongsi pengalamannya dalam membangun dan menguruskan ekonominya bersama negara-negara membangun yang lain," katanya, merujuk kepada kajian mengenai mempelbagaikan ekonomi Algeria yang telah disediakan oleh Unit Perancangan Ekonomi dan dikemukakan kepada kerajaan Algeria pada awal tahun ini.

"Ini hanya satu sumbangan kecil yang boleh ditawarkan oleh kerajaan saya kepada sebuah negara mesra seperti Algeria," kata Dr Mahathir.

Dalam lawatan itu bagi mengesahkan semula komitmen Malaysia akan semangat setiakawan dan kerjasama, Perdana Menteri berkata: "Kita mesti bekerjasama untuk membawa hubungan kita ke tahap baru dan yang lebih

bermakna".

Selain daripada kerjasama sedia ada antara Petronas dan Syarikat Petroleum Kebangsaan Algeria, Sonatrach, Malaysia dan Algeria juga mengkaji kemungkinan meninjau sektor berpotensi, termasuk Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), pembinaan, pendidikan dan pelancongan.

Daripada segi perdagangan dua hala, Dr Mahathir berkata statistik sejak beberapa tahun lepas menunjukkan satu aliran meningkat dengan perdagangan tahun lepas berjumlah lebih kurang USD100 juta.

"Angka ini adalah kecil dan tidak membayangkan potensi sebenar perdagangan kita. Saya percaya banyak lagi yang boleh dilakukan. Sektor swasta kedua-dua negara mesti membabitkan diri dengan lebih agresif dan berusaha mewujudkan hubungan perdagangan yang saling menguntungkan.

"Jarak tidak harus menjadi penghalang bagi interaksi antara orang dan masyarakat perniagaan. Perdagangan langsung juga perlu digalakkan di sebalik menerusi negara ketiga".

Sementara itu, Presiden Bouteflika semasa berucap menekankan perlunya satu definisi yang tepat bagi terorisme `supaya ia tidak mengetepikan' hak sah manusia untuk menentukan masa depan mereka atau menentang pendudukan asing.

"Kami juga memberi amaran terhadap perbuatan mengaitkan keganasan dengan mana-mana agama, tamadun, wilayah atau negara," katanya.

Beliau juga mencadangkan bahawa Pusat Serantau Bagi Menentang Keganasan yang ditubuhkan di Malaysia menjalin kerjasama erat dengan Pusat Kajian dan Penyelidikan Afrika Mengenai Keganasan yang Kesatuan Afrika memutuskan untuk menubuhkan di Algiers.

Presiden itu memuji inisiatif Malaysia untuk menggalakkan dialog di kalangan budaya dan tamadun untuk mengatasi prasangka dan memulihkan imej sebenar Islam.

Menggalakkan dialog seperti itu adalah kepuasan bagi kami, kerana pengalaman anda adalah bukti yang cukup bahawa kemajuan ekonomi dan teknologi, demokrasi dan permodenan tidak bercanggah dengan memulihara identiti dan tradisi umat Islam, katanya.

-- BERNAMA

MOK MFJ PR